

03 SEP 2001

Rais-Universiti

UNIVERSITI TIDAK SERIUS KUATKUASAKAN AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Rais Yatim hari ini menegur pihak universiti yang tidak menguatkuasakan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 secara serius sehingga menimbulkan pelbagai kejadian melanggar undang-undang oleh pelajar.

"Mulai sekarang AUKU kenalah dikuatkuasakan secara serius mungkin," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan Sistem Perundangan dan Integrasi Wilayah Asean anjuran Institut Asia-Eropah Universiti Malaya di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas mengenai laporan media berhubung pembabitan pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dengan gerakan bawah tanah bagi mempengaruhi pendirian politik pelajar supaya berjuang menjatuhkan kerajaan menerusi pertubuhan tidak berdaftar.

Rais berkata pihak yang mempunyai kuasa terhadap AUKU didapati seolah-olah tidak mengenal kuasa mereka.

"Atau mungkin sengaja mereka tidak mahu menjalankan tugas seperti yang ditentukan oleh akta tersebut," katanya.

Katanya pelajar yang terlibat dengan gerakan bawah tanah atau kekerasan yang melanggar undang-undang akan diambil tindakan khususnya menerusi AUKU.

Menurutnya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengarahkan semua kementerian yang berkaitan termasuk Jabatan Perdana Menteri dan Peguam Negara bekerjasama mengukuhkan sistem perundangan bagi melaksanakan penguatkuasaan dan pencegahan berhubung kejadian seperti itu.

Rais berkata beliau akan menemui Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamed esok bagi membincangkan garis panduan untuk melaksanakan dan menguatkuasakan undang-undang itu.

Perbincangan itu juga akan menyentuh cadangan kerajaan yang mahukan setiap pelajar memasuki IPTA menandatangani perjanjian memberi tumpuan kepada pelajaran, katanya.

Beliau berkata pertemuan itu juga akan menyentuh tentang pemantauan terhadap tenaga pengajar di universiti supaya menumpukan tugas rasmi mereka di universiti sepenuhnya.

-- BERNAMA

RZS KHY NAK